



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012  
PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH**

---

**SEJARAH**

**Kertas 1**

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **60** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

---

Kertas ini mengandungi 21 halaman bercetak

- 1 Pengertian sejarah berikut telah dikemukakan oleh seorang tokoh.

Penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.

Tokoh **X**

Siapakah **X** ?

- A Herodotus
  - B Ibn Khaldun
  - C Abdul Hadi Hassan
  - D Muhd Yusof Ibrahim
- 2 Senarai berikut merujuk kepada peralatan yang digunakan oleh masyarakat Zaman Prasejarah.

- Tulang Mawas
- Sabit
- Mata lembing

Masyarakat zaman manakah yang menggunakan peralatan tersebut ?

- A Zaman Mesolitik
  - B Zaman Paleolitik
  - C Zaman Neolitik
  - D Zaman Logam
- 3 Apakah kepentingan pembinaan *Baray* kepada Kerajaan Angkor ?
- A Pusat pentadbiran
  - B Pusat keagamaan
  - C Sistem pengairan
  - D Sistem pengangkutan
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan asal usul nama Melaka.

- Pelanduk
- Pokok melaka

Sumber **X**

Apakah sumber **X** ?

- A Sejarah Melaka
- B Sejarah Melayu
- C Sejarah Alam Melayu
- D Sejarah Melayu Bugis

- 5 Gambar berikut menunjukkan orang laut sedang membawa barang dagangan ke kapal pedagang.



- Mengapakah Parameswara melantik Orang Laut untuk menjaga keselamatan perairan Melaka ?
- A Mahir membuat kapal  
B Mempunyai senjata moden  
C Mengetuai hubungan diplomatik  
D Mempunyai ciri-ciri kepahlawanan
- 6 Perkembangan agama Islam di Melaka pada abad ke-15 telah menyebabkan
- A keberkesanan hubungan diplomatik  
B kewujudan institusi kesultanan  
C kebanggaan para pedagang  
D kejayaan perluasan kuasa
- 7 Senarai berikut merupakan tugas golongan cerdik pandai di istana Melaka.

- Mengarang surat rasmi raja
- Menggubal perjanjian
- Menjadi guru kepada anak-anak raja

Golongan manakah yang mengendalikan tugas tersebut ?

- A Jurutulis  
B Pengarang  
C Pendakwah  
D Pedagang Islam

- 8 Dialog berikut mungkin berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.


Pembesar A : Hamba tidak berpuas hati dengan sikap Bendahara Tun Mutahir semasa menjalankan tugasnya.

Pembesar B : Sepatutnya bendahara menjalankan tugasnya dengan adil.

Apakah sikap yang diamalkan oleh Bendahara Tun Mutahir semasa menjalankan tugasnya ?

- A Pilih kasih
  - B Pecah amanah
  - C Suka menghina
  - D Sukar bekerjasama
- 9 Perang Tiga Segi berlangsung selama seratus tahun di antara Johor, Aceh dan Portugis. Apakah punca peperangan tersebut ?
- A Meluaskan taklukan
  - B Merebut Kota A Famosa
  - C Menakluki Kerajaan Pedir
  - D Menguasai perdagangan Selat Melaka

10 Peta berikut menunjukkan jajahan takluk Johor pada tahun 1641.



Bagaimanakah Johor berjaya meluaskan jajahan takluknya ?

- A Kesetiaan penduduk
- B Kewangan yang kukuh
- C Kecekapan pemerintah
- D Kepelbagaian barang dagangan

11 Maklumat berikut berkaitan dengan perebutan takhta yang berlaku di Johor.

Raja Kechil mendakwa dirinya sebagai  
putera almarhum Sultan Mahmud Shah

Mengapakah Orang Laut mempercayai dakwaan tersebut?

- A Membalas jasa
- B Mendapat upah
- C Menunjukkan ketaatan
- D Menuntut hak

12 Maklumat berikut berkaitan dengan Negeri Sembilan.

- Kejatuhan Melaka di tangan Portugis
- Kekuatan pengaruh Bugis di Johor
- Bermulanya kesultanan Bugis di Selangor

Apakah kesan peristiwa berikut kepada Negeri Sembilan ?

- A Memindahkan pusat pentadbiran
- B Menyebabkan negeri tidak aman
- C Mendapatkan bantuan ketenteraan
- D Memantapkan sistem pentadbiran

13 Gambar berikut menunjukkan Penglipur lara sedang bercerita.



Apakah mesej yang hendak disampaikan oleh Penglipur lara tersebut?

- A Menyampaikan maklumat semasa
- B Menghibur dan menyampaikan nasihat
- C Mempamerkan bakat bercerita
- D Mengisi masa lapang

14 Apakah faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi kumpulan etnik berikut?

<b>Kumpulan etnik</b>	<b>Kegiatan ekonomi</b>
Iban	Menanam padi huma
Kelabit	Memungut hasil hutan
Melanau	Menangkap ikan

- I Kepercayaan
- II Adat resam
- III Bentuk muka bumi
- IV Kawasan penempatan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Sistem pemerintahan di Sabah sebelum kurun ke-16 terbahagi kepada sistem politik

- I Ketenteraan
- II Kesultanan
- III Kesukuan
- IV Ketua Anak Negeri
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Jadual berikut berkaitan dengan perjanjian antara Temenggung Abdul Rahman dengan Stamford Raffles.

<b>Tarikh</b>	<b>30 Januari 1819</b>
Peristiwa	Perjanjian antara Temenggung Abdul Rahman dan Stamford Raffles

Apakah faktor utama yang menyebabkan Temenggung Abdul Rahman menandatangani perjanjian tersebut?

- A Menjamin kedudukannya
- B Bimbang diserang oleh Raffles
- C Berhasrat menjadi pemerintah Johor
- D Mengekalkan kedaulatan Singapura

17 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran British

Gabenor Jeneral British di India bertanggungjawab semua dasar dan undang-undang Negeri-Negeri Selat
---

Mengapakah penduduk dan saudagar tempatan tidak berpuas hati dengan pentadbiran tersebut?

- A Kedudukan India terlalu jauh
- B Bahasa Tamil tidak difahami
- C Kelemahan pentadbiran Gabenor Jeneral
- D Negeri-Negeri Selat sebagai tanah jajahan India

18 Mengapakah Residen British kerap kali bertindak melampaui bidang tugasnya di Negeri-Negeri Melayu?

- A Tiada garis panduan untuk melaksanakan tugas
- B Menerima ancaman daripada pembesar tempatan
- C Terlalu berkuasa berbanding Sultan
- D Mengaut kekayaan hasil bumi

19 Maklumat berikut berkaitan penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

<b>Faktor penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu</b>
--


- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Residen terlalu berkuasa</li><li>• Krisis kewangan Pahang</li><li>• <b>X</b></li></ul> |
|--|

Apakah **X**?

- A Pentadbiran tidak seragam
- B Perebutan kuasa
- C Pemusatan kuasa sultan
- D Pelabur Eropah mendesak



20 Peta berikut menunjukkan kemaraan kuasa besar di Asia Tenggara



Mengapakah British bimbang dengan minat Perancis untuk membina terusan di Segenting Kra?

- A Menggugat perdagangan Amerika
- B Mengancam perdagangan British
- C Muncul zaman imperialis baru di Siam
- D Muncul kuasa besar di Asia Tenggara

21 Jadual berikut berkaitan dengan penasihat British di Kedah.

Tunku Mahmud	George Maxwell
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengekalkan identiti negeri Kedah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerapkan pengaruh Barat dalam pentadbiran Kedah</li> </ul>

Bagaimanakah Tunku Mahmud berjaya mengatasi konflik dengan Maxwell?

George

- A Melalui tindakan mahkamah
- B Meletakkan jawatan
- C Mengadakan sabotaj
- D Melancarkan mogok

22 Gambar berikut menunjukkan Surat Sungai yang diberikan kepada orang Cina.



Apakah kepentingan Surat Sungai?

- A Mentadbir daerah
- B Mengeksport lada hitam
- C Mengusahakan pertanian
- D Mewakili Sultan Johor

23 Apakah peranan pasukan berikut?

Sarawak Rangers

- A Mengutip cukai
- B Menjadi tentera upahan
- C Meluluskan undang-undang
- D Menjaga keselamatan

24 Senarai berikut menunjukkan galian penting di Sarawak yang semakin berkurangan.

**Bahan galian**

- Antimoni
- Emas
- Raksa
- Arang batu

Apakah kesan kekurangan galian tersebut?

- A Tumpuan kepada pertanian
- B Tumpuan kepada industri desa
- C Perusahaan getah diperkenalkan
- D Perusahaan petroleum mula berkembang

25 Jadual berikut menunjukkan dasar pemerintahan Brooke di Sarawak.

<b>Penduduk</b>	<b>Kegiatan</b>
Melayu	Pentadbiran
Iban	Ketenteraan
Cina	Perlombongan

Apakah kesan daripada dasar tersebut?

- A Perkembangan dalam bidang pendidikan
- B Pertambahan penduduk di kawasan luar bandar
- C Perpaduan antara kaum tidak dapat dilaksanakan
- D Perkembangan kemudahan asas di kawasan bandar

26 Majlis berikut telah ditubuhkan di Sabah pada tahun 1883.

**Majlis Penasihat**

Apakah peranan majlis tersebut?

- A Menggubal dasar
- B Melantik pegawai
- C Membantu Gabenor
- D Meluluskan undang-undang

27 Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) bagi menggalakkan penanaman getah di Sabah?

- A Pemberian dividen
- B Pembayaran ganti rugi
- C Pengambilan buruh India
- D Pengecualian cukai import

28 Apakah kesan pembinaan sistem pengangkutan berikut?

Pembinaan landasan kereta api di Beaufort, Jesselton dan Tenom di Sabah.

- A Mengangkut hasil pengeluaran
- B Meningkatkan pendapatan penduduk
- C Mengeratkan perpaduan rakyat
- D Memajukan tanaman tradisional

29 Maklumat berikut merupakan syarikat Eropah yang terdapat di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

- Guthrie
- Sime Darby
- Harrisons & Crosfield

Syarikat tersebut memainkan peranan penting dalam perusahaan

- A emas
- B getah
- C bijih timah
- D kelapa sawit

30 Maklumat berikut berkaitan dengan bandar yang terdapat di Tanah Melayu pada pertengahan kurun ke-19.

- Seremban
- Taiping
- Kuala Lumpur

Apakah faktor kemunculan bandar tersebut?

- A Pelaksanaan sistem pendidikan
- B Pembukaan ladang kelapa sawit
- C Peningkatan tahap kesihatan
- D Perlombongan bijih timah

31 Pernyataan berikut merupakan punca kebangkitan orang Murut di Sabah.

<b>X</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Menceroboh kawasan hutan</li><li>• Melarang membuka tanah baru</li></ul>

Siapakah X?

- A Syarif Masahor
- B Mat Salleh
- C Antanom
- D Rentap

32 Dialog berikut mungkin berlaku pada tahun 1925.

Pegawai British	: Petani yang membuka tanah tanpa pas akan dijatuhi hukuman.
Haji Abdul Rahman Limbong	: Tanah ialah hak Allah dan rakyat bebas mengerjakannya.

Apakah nilai yang diperoleh daripada perbualan tersebut?

- A Berani
- B Berilmu
- C Berwaspada
- D Bersederhana

33 Apakah matlamat perjuangan tokoh berikut?

<ul style="list-style-type: none"><li>• Jose Rizal</li><li>• Mahatma Gandhi</li><li>• Soekarno</li></ul>
--

- A Membangunkan negara
- B Memajukan penduduk
- C Menyatupadukan rakyat
- D Membebaskan negara

- 34 Apakah akhbar yang diterbitkan oleh Kaum Tua untuk menentang idea Muda? Kaum
- I Saudara
  - II Al-Imam
  - III Suara Benar
  - IV Lidah Benar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 35 Tokoh berikut merupakan nasionalis Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

- Raja Chulan
- Mohammad Eunos Abdullah
- Dato' Onn Jaafar

Apakah persamaan tokoh berkenaan?

- I Menerima pendidikan Inggeris
  - II Menentang British secara radikal
  - III Lepas dari Maktab Perguruan Sultan Idris
  - IV Menceburkan diri dalam perkhidmatan kerajaan British
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 36 Monolog berikut mungkin berkaitan dengan perluasan kuasa Jepun di Asia Tenggara.

Jeneral Tojo : Tindakan Amerika Syarikat mengancam kedaulatan dan kepentingan negara Jepun. Sebagai pemimpin negara, saya perlu menyerang Asia Tenggara.

Apakah tindakan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat terhadap Jepun?

- A Pakatan tentera
- B Sekatan ekonomi
- C Persaingan wilayah
- D Peningkatan kadar cukai

37 Kejatuhan Tanah Melayu ke tangan Jepun memberikan kesan penting kepada penduduk Tanah Melayu.

Apakah kesan peristiwa tersebut kepada penduduk Tanah Melayu?

- A Mengadakan hubungan diplomatik
- B Mengukuhkan kuasa raja
- C Timbul perpaduan kaum
- D Tidak bergantung kepada kuasa asing

38 Maklumat berikut berkaitan dengan polis rahsia Jepun.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Bertindak ganas</li><li>• Kejam terhadap mereka yang disyaki membenci Jepun</li><li>• Mengamalkan seksa dahulu, siasat kemudian</li></ul> |
|---|

**X**

Apakah **X**?

- A Kaisha
- B Kunrenjo
- C Kimigayo
- D Kempeitai

39 Semasa pentadbiran Malayan Union, Tanah Melayu berubah taraf menjadi

- A negeri bebas
- B tanah jajahan
- C negeri lindungan
- D negeri naungan

40 Mengapakah orang Melayu membantah penubuhan Malayan Union?

- I Hak istimewa terjamin
  - II Tindakan Harold Mc Michael
  - III Kerakyatan terlalu liberal
  - IV Singapura diasingkan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

41 Jadual berikut berkaitan dengan Mesyuarat Agung UMNO.

Tahun	Peristiwa	Dirasmikan
1946	Mesyuarat Agung UMNO di Ipoh, Perak	Sultan atau raja-raja Melayu
1947	Mesyuarat Agung di Kota Bharu	

Mengapakah pihak sultan terlibat dalam mesyuarat tersebut?

- A Merestui perjuangan UMNO
- B Memberikan bantuan kewangan
- C Melambangkan perpaduan Melayu
- D Melambangkan ketuanan Melayu

42 Setelah Malayan Union ditolak, British mengadakan rundingan rasmi dengan Raja-raja Melayu dan UMNO pada tahun 1946.

Mengapakah British mengadakan rundingan tersebut?

- A Penerimaan Kesatuan Melayu Muda
- B Penerimaan orang dagang terhadap Malayan Union
- C Ketegasan raja-raja Melayu
- D Keterbukaan bekas pegawai-pegawai British

43 Komunisme diasaskan oleh Karl Marx pada pertengahan abad ke-19.

Apakah perjuangan ideologi komunis?

- A Memilih pemimpin melalui pungutan suara
- B Mengadakan pilihanraya
- C Mengamalkan dasar ekonomi bebas
- D Memperjuangkan masyarakat tanpa kelas

44 Apakah kegiatan agresif Parti Komunis Malaya menjelang tahun 1935?

- A Melancarkan mogok dan sabotaj
- B Melancarkan pemberontakan
- C Melancarkan perang saraf
- D Membunuh orang awam

45 Kempen “ memenangi hati dan fikiran rakyat” dalam perang saraf bertujuan

- A memperkenalkan sistem pendaftaran
- B menghapuskan perasaan perkauman
- C menghapuskan Min Yuen
- D menyokong MCA



46 Gambar berikut menunjukkan Tugu Peringatan Negara



Apakah lambang di sebalik pembinaan monumen tersebut?

- A Kedaulatan raja-raja Melayu
  - B Perpaduan masyarakat berbilang kaum
  - C Pengorbanan perajurit
  - D Kekuatan pertahanan negara
- 47 Apakah usaha yang dilakukan oleh Dato' Onn Ja'afar untuk mewujudkan perpaduan kaum di Tanah Melayu?
- A Menubuhkan Konvensi Nasional
  - B Menubuhkan Parti Perikatan
  - C Menubuhkan UMNO
  - D Menubuhkan IMP

48 Maklumat berikut merupakan cadangan laporan Pelajaran Tanah Melayu

- Pendidikan sekolah rendah diwajibkan
- Sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

**Laporan X**

Apakah **Laporan X**?

- A Fenn Wu
- B Barnes
- C Ordinan Pelajaran
- D Laporan Razak

49 Pihak British telah menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) pada tahun 1951.

Apakah kepentingan RIDA kepada orang Melayu?

- A Melatih pentadbiran awam
- B Meningkatkan taraf sosioekonomi
- C Membangkitkan kesedaran kebangsaan
- D Mempertahankan hak peribumi

50 Apakah tujuan **Rombongan X**?

<b>Rombongan X</b>	
Wakil Parti Perikatan	Wakil Raja-raja Melayu
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunku Abdul Rahman</li> <li>• Tun Dr. Ismail</li> <li>• Tun H. S. Lee</li> <li>• Tun Abdul Razak Hussein</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dato' Panglima Bukit Gantang</li> <li>• Abdul Aziz Othman</li> <li>• Dato' Mohd Seth</li> <li>• Dato' Nik Ahmad Kamel</li> </ul>


- A Membentuk jemaah menteri
- B Melantik suruhanjaya bebas
- C Menuntut kemerdekaan Tanah Melayu
- D Mencadangkan perubahan pentadbiran

- 51 Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa sekembalinya Tunku Abdul Rahman dari London.

Tarikh	Tempat
20 Februari 1956	Padang Merdeka, Bandar Hilir, Melaka

Apakah peristiwa tersebut?

- A Pemasytiharan kemerdekaan
  - B Penurunan bendera Union Jack
  - C Pembentukan Suruhanjaya Reid
  - D Pengisytiharaan tarikh kemerdekaan
- 52 Rajah berikut berkaitan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Apakah X?

- A Perdana Menteri sebagai ketua negara
  - B Bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan
  - C Agama Islam sebagai agama rasmi negara
  - D Kedudukan istimewa golongan imigran
- 53 Mengapakah pemasyhuran kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dianggap detik penting bagi negara kita?
- A Kewibawaan pemimpin tempatan
  - B Keutuhan hubungan antara kaum
  - C Kenaikan ekonomi negara
  - D Kebebasan daripada penjajahan

54 Maklumat berikut berkaitan dengan penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British.

Charles Vyner Brooke menghantar Gerard T. MacBryan dapatkan tandatangan daripada ketua-ketua bumiputera di Sarawak.

Apakah cara yang digunakan oleh Gerard T. MacBryan?

- A Tawaran ganjaran
- B Tipu muslihat
- C Rundingan
- D Perjanjian keselamatan

55 Mengapakah penduduk Sarawak mengadakan tunjuk perasaan di Kuching pada 1 Julai 1947?

- A Membantah pelantikan Gabenor Sarawak yang pertama
- B Membantah cara Gerard T. MacBryan dapatkan tandatangan
- C Membantah penglibatan pemimpin tempatan
- D Membantah Pekeliling No. 9

56 Mengapakah gerakan kebangsaan di Sabah agak perlahan berbanding di Sarawak?

- A Sokongan orang tempatan terhadap British
- B Sikap rakyat Sabah yang tidak berminat dengan politik
- C Dasar British yang menindas gerakan politik Sabah
- D Diskriminasi terhadap pemimpin tempatan

57 Kejayaan pembentukan Persekutuan Malaysia 1963 mengagumkan pemimpin-pemimpin lain di dunia.

Apakah kaedah pembentukan yang digunakan?

- A Diplomasi
- B Perjanjian
- C Pilihan raya
- D Konfrontasi

58 Mengapakah Brunei menarik diri daripada menyertai Persekutuan Malaysia 1963?

- A Brunei tidak dibawa berunding
- B Bantahan daripada Amerika Syarikat
- C Berkaitan pelantikan Yang di-Pertuan Agong
- D Bantahan daripada Filipina

59 Mengapakah kedua-dua kuasa berikut menyokong gagasan Persekutuan Malaysia?

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Britain</li><li>• Amerika Syarikat</li></ul> |
|--|

- I Mempercepat proses kemerdekaan negara anggota
  - II Menjamin kepentingan ekonomi tempatan
  - III Mempengaruhi politik tempatan
  - IV Menyekat pengaruh komunis
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 60 Penubuhan Persekutuan Malaysia 1963 memperlihatkan Tunku Abdul Rahman seorang tokoh yang berpandangan jauh.  
Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan perjuangan tokoh tersebut?
- A Berusaha menangani cabaran
  - B Berdiplomasi membawa kejayaan
  - C Berbangga dengan budaya bangsa
  - D Berdisiplin menjalankan tugas

### KERTAS SOALAN TAMAT